

MANA SATU JADI PILIHAN ANDA DIPLOMA ATAU MATRIKULASI?

"Saya pilih diploma. Ini kerana silibus diploma lebih menjamin pekerjaan berbanding silibus matrikulasi yang lebih kepada nak lulus peperiksaan. Tempoh pengajian diploma lebih panjang manakala matrik sesuai untuk mereka yang nak sambung belajar lagi."

Aslinda Yuhanis,
Universiti Utara Malaysia (UUM)



Sekarang musim kemasukan pelajar baru ke institut pengajian tinggi. Kebanyakan lepasan SPM ditawarkan pengajian ke peringkat

diploma dan matrikulasi. Sudah tentu kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kekurangannya. Jika diberi pilihan, mana satu yang menjadi tarikan?

"Jika diberi pilihan, saya pilih matrikulasi kerana tempoh masa belajar yang lebih pendek. Matrikulasi juga mempunyai modul pendidikan yang lebih umum dan memberi saya lebih pilihan apabila ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah."

Arisha Rozaidee, Universiti Malaya (UM)



"Pelajar lepasan diploma dianggap 'matang' dan sudah biasa dengan sistem universiti. Pelajar matrik pula memberi ruang untuk bersaing secara sihat kerana kebanyakan pelajarannya adalah golongan yang mendapat keputusan cemerlang."

Nadrah Husnina Hassim,
Universiti Utara Malaysia (UUM)



"Kedua-dua pilihan ini mempunyai kebaikan dan kekurangan tersendiri dan kita sebagai pelajar yang celik minda perlu membuat pilihan berdasarkan kemampuan dan kecenderungan minat masing-masing. Jangan sesekali terkesan dengan pengalaman orang lain kerana setiap orang ditetapkan kemampuan dan rezeki yang berbeza."

Muhammad Hafizi Muhamed Asri,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsu)



"Masing-masing ada kelebihannya. Diploma mendedahkan skop pekerjaan dan pengalaman bekerja (praktikal), manakala matrikulasi pula membolehkan pelajar membiasakan diri dalam suasana universiti, namun mata pelajarannya memang agak sukar dan pembelajaran juga 'laju'."

Amir Firdaus Eddy Rosyadie,
Universiti Malaya (UM)



"Jika diberi pilihan, saya pilih matrikulasi kerana masanya lebih singkat dan yang penting kerajaan sediakan elaun kepada pelajar matrik."

Maliyah Nur Madzelan,
Universiti Putra Malaysia (UPM)



"Kelebihan diploma ialah sijil tamat belajar boleh digunakan untuk bekerja walaupun tidak mempunyai *degree*. Selain tu, jika mengambil diploma dan menyambung *degree* dengan *course* yang sama merupakan kelebihan kepada pelajar kerana tempoh diploma yang lama memberi pendedahan dalam mendalami sesuatu bidang."

Nur Haziqah Seth,
Universiti Putra Malaysia (UPM)



"Saya lebih suka diploma kerana pembelajarannya yang lebih santai dan kurang stres. Semasa diploma juga saya dapat menyertai pelbagai program menarik sambil menerap kemahiran insaniah yang tidak dapat ditemui di tempat lain."

Mohammad Fathi Mohd Yaziz,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsu)

